

SPM 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Modul Intervensi Pembelajaran

PERNIAGAAN

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



PANEL AKRAM

**NASSHARUDDIN BIN NORDIN
SMK IBRAHIM FIKRI, K NERUS**

**AIDA ROSLIZA BINTI EMBONG
SMK CHENDERING, K TRG**

**ZAINON BINTI AWANG
SMK IBRAHIM FIKRI, K NERUS**

**NOR SUHADA BINTI RAZILAH
SMK KERTEH, KEMAMAN**

**SITI ASMAH BINTI MUSTAFA
SMK PADANG KEMUNTING, K NERUS**

**SAKINAH BINTI MAMAT
SMK SEBERANG MARANG, MARANG**

**NOOR ARDISA BINTI MOHD NORDIN
SMKA DATO' HAJI ABBAS, K NERUS**


**TENGGU LATIFAH BINTI TENGGU IBRAHIM
SMKA SHEIKH ABDUL MALEK, K TRG**

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab lima soalan sahaja


1 Rajah 1 di bawah menunjukkan dua organisasi



Rajah 1

- (a) Nyatakan kedua-dua bentuk organisasi di Gambar A dan Gambar B. [2 markah]
- (b) Bezakan dari segi aktiviti dan tujuan kedua-dua organisasi di atas. [4 markah]
- (c) Terangkan dua kelebihan pemilikan di Gambar A. [4 markah]

- 2 (a) Rajah 2 berkaitan dengan sebuah organisasi perniagaan.



Rajah 2

- (i) Apakah X ? [1 markah]
- (ii) Jelaskan tujuan penetapan X. [3 markah]

- (b) Maklumat di bawah menunjukkan objektif Perniagaan BJ Mart.

*Menjual barangan keperluan harian pengguna pada harga yang berpatutan
*Mensasarkan jualan harian mencapai paras RM6000.
*Meningkatkan jualan barangan keperluan harian sebanyak 20% menjelang musim perayaan berbanding jualan harian

Huraikan ciri-ciri SMART yang terdapat dalam objektif Periagaan BJ Mart?

[6 markah]


3. (a) Bagaimanakah pembahagian kerja dijalankan dalam perniagaan? [2 markah]
- (b) Nyatakan peranan fungsian pengurusan sumber manusia. [3 markah]
- (c) Rajah 1 menunjukkan bahagian fungsian yang terdapat dalam sebuah organisasi perniagaan.



Rajah 1

- (i) Jelaskan tujuan pembahagian fungsian tersebut. [3 markah]
- (ii) Terangkan saluran agihan yang paling sesuai digunakan oleh perniagaan tersebut. [2 markah]
4. (a) Maklumat berikut berkaitan sebuah perusahaan.
- Sos Madu Enak telah beroperasi selama 6 tahun di Marang, Terengganu. Perusahaan ini mempunyai 40 orang pekerja tetap termasuk tiga orang pengurus.
- Sebagai pegawai sumber manusia di Sos Madu Enak, terangkan cara yang boleh dilaksanakan bagi memastikan pekerja terus kekal bekerja dengan perusahaan ini. [6 markah]
- (b) Jelaskan konsep pemberhentian kerja dalam sesebuah perniagaan. [4 markah]

5. Gambar di bawah merupakan sumber yang diperlukan dalam operasi sesebuah perniagaan.



Gambar 1

- (a) (i) Terangkan jenis-jenis sumber yang terdapat pada gambar 1. [5 markah]
- (ii) Berdasarkan soalan (a)(i) senaraikan dua jenis sumber lain yang diperlukan dalam perniagaan. [2 markah]
- (b) Jelaskan tujuan mengurus sumber fizikal. [3 markah]

6. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ZAR Berhad yang menghasilkan pelbagai komponen elektronik bagi syarikat multinasional.

Tahun	Untung Bersih (RM juta)	Rizab (RM juta)
2020	100	45
2021	220	55
2022	260	90
Jumlah	580	190

Syarikat ingin meningkatkan operasi pengeluaran pada tahun 2023 untuk memenuhi satu kontrak luar negara. Syarikat memerlukan modal tambahan sebanyak RM200 juta untuk membina sebuah kilang baharu dan bangunan pentadbiran untuk tujuan tersebut.

- a. Cadangkan satu jenis sumber pembiayaan dalaman dan satu jenis sumber pembiayaan luaran kepada Syarikat ZAR Berhad untuk mendapatkan modal tambahan berkenaan.

[4 markah]

- b. Situasi berikut berkaitan dengan En. Amirul seorang pemborong pakaian.

En Amirul merupakan seorang pemborong pakaian sukan yang terkenal di sekitar Kuala Nerus. Oleh kerana perniagaannya semakin berkembang, beliau berhasrat untuk membeli sebuah lori baru bagi memudahkannya mengurusniaga.

Terangkan satu jenis pembiayaan yang paling sesuai untuk membeli kenderaan lori berkenaan.

[6 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 7 (a) Gambar 3 menunjukkan satu bahagian fungsian Kilang Roti Glossy Sdn. Bhd.



Gambar 3

- (i) Nyatakan bahagian fungsian yang terlibat dalam gambar 3 di atas? [1 markah]
- (ii) Terangkan tiga proses pengeluaran dalam kawalan semasa. [7 markah]

Dialog di bawah menunjukkan perbualan antara merupakan pekerja di Kilang Roti Glossy Sdn. Bhd. berkaitan dengan dua bahagian fungsian dalam kilang tersebut.

Encik Arif : Sebagai seorang pengurus bahagian X, saya bertanggungjawab menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat.

Encik Izzat: Sebagai seorang pengurus bahagian Y pula, tanggungjawab saya adalah untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan.

- (b) Terangkan peranan bahagian fungsian X. [4 markah]
- (c) Terangkan peranan bahagian fungsian Y? [3 markah]

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Maira, seorang graduan lulusan Ijazah Perakaunan.

Maira, seorang graduan yang baharu menamatkan pengajian Ijazah Perakaunan telah menerima tawaran pekerjaan bagi jawatan eksekutif akaun daripada dua syarikat yang berbeza. Maira sedang mempertimbangkan untuk menerima salah satu tawaran tersebut dengan menyenaraikan kelebihan dan kekurangan kedua-dua syarikat tersebut.

Syarikat A	Syarikat B
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Syarikat yang terkenal dan kukuh ➤ Hanya ditugaskan untuk menjaga bahagian kawalan kredit sahaja ➤ Terletak di bandar dan jauh daripada rumah serta terpaksa menempuh kesesakan lalu lintas ➤ Kos pengangkutan tinggi ➤ Gaji ditawarkan RM2000 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Syarikat yang baharu beroperasi (belum mencapai setahun) ➤ Ditugaskan mengawal bahagian kredit, dan membantu menyediakan penyata kewangan ➤ Berdekatan rumah, hanya 10 minit perjalanan dan tiada kesesakan lalu lintas ➤ Kos pengangkutan rendah ➤ Gaji ditawarkan RM1800

- (a) Cadangkan syarikat yang patut dipilih oleh Maira.

Kemukakan alasan anda.

[5 markah]

- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan Syarikat A mampu menawarkan gaji yang lebih tinggi berbanding Syarikat B.

[8 markah]

- (c) Jelaskan bidang tugas yang perlu dilakukan Maira sekiranya menerima tawaran bekerja di Syarikat A.

[2 markah]

9. (a) Maklumat berikut merupakan penyata kewangan sebuah perniagaan.

Syarikat Daya Cipta Sdn Bhd

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2022

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Mesin Jahit	50 000	
Perabot	<u>20 000</u>	70 000
Aset Semasa		
Stok Akhir	40 000	
Penghutang	25 000	
Tunai	<u>10 000</u>	<u>75 000</u>
		<u>145 000</u>
Ekuiti Pemilik		
Modal Awal		60 000
Tambah : Untung bersih		<u>45 000</u>
		105 000
Tolak : Ambilan		<u>(2 000)</u>
Modal Akhir		103 000
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman		25 000
Liabiliti Semasa		
Pemiutang		<u>17 000</u>
		<u>145 000</u>

- (i) Hitung nisbah semasa bagi Syarikat Daya Cipta Sdn. Bhd. [2 markah].
- (ii) Analisis nisbah semasa di (a)(i) dapat menyokong syarikat memohon pinjaman untuk mengembangkan perniagaan.
Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Terangkan pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah syarikat. [8 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

10. Syarikat Delicious Juice Sdn. Bhd. (SDJ) merupakan sebuah syarikat perusahaan memproses produk yang berasaskan buah-buahan tempatan yang terdiri dari jus, jem dan buah-buahan yang dikeringkan. Pemilik Syarikat Delicious Juice Sdn. Bhd iaitu Encik Alif merupakan seorang pengurus yang kreatif dan berpandangan jauh.

Beliau telah mengambil inisiatif untuk memulakan perusahaan sendiri dengan memulakan produk pertamanya iaitu jus buah-buahan. Bermula dari rumah secara kecil-kecilan beliau memasarkan produk tersebut di pasar-pasar malam dengan sebuah motosikal sebagai kenderaan pertama.

Encik Haziq merupakan pengurus bahagian pengeluaran telah mencipta pelbagai jenis jus yang dapat memuaskan keperluan dan kehendak pengguna. Antara jus buah-buahan yang mendapat permintaan yang tinggi ialah jus durian belanda, jus barli dan jus mata kucing.

Encik Arif pula dilantik sebagai pengurus pemasaran yang bertanggungjawab untuk memberi latihan kepada jurujualnya untuk menjual produk di pasar raya. Beliau juga telah melancarkan promosi jualan dan mengadakan demonstrasi di kaunter jualan untuk meningkatkan jualan. Jurujualnya menunjukkan cara penyediaan jus dan sampel minuman diberi kepada orang ramai untuk mencubanya. Jumlah jualan telah meningkat kerana sambutan orang ramai amat memberangsangkan.

Pengurus syarikat iaitu Encik Alif bercadang untuk menambahkan kaunter jualan ke beberapa pasar raya di negara ini. Oleh yang demikian beliau telah menyediakan penambahan keperluan bilangan jurujual kepada bahagian fungsian sumber manusia dengan mengiklankan jawatan kosong sebagaimana butiran maklumat berikut di surat khabar.

JURUJUAL DIPERLUKAN:

- 1) Lelaki/wanita
- 2) Umur 18-35 tahun
- 3) Berperwatakan menarik dan berkomitmen untuk maju
- 4) Graduan lepasan SPM / berpengalaman digalakkan .
Tidak berpengalaman latihan kerja akan diberikan
- 5) Berpengetahuan dalam produk jus
- 6) Gaji RM1500++

Sila hubungi Pn Aida(Pengurus Bahagian Sumber Manusia) :
Tel :019 2227346

Bagi permohonan yang berjaya, Puan Aida selaku pengurus bahagian sumber manusia akan mengaturkan sesi temuduga untuk memilih calon yang sesuai.

- (a) Jelaskan tujuan setiap bahagian fungsian bagi Syarikat Delicious Juice Sdn. Bhd. [2 markah]
- (b) Terangkan peranan Encik Haziq sebagai pengurus fungsian pengeluaran selain daripada kes di atas. [4 markah]
- (c) Wajarkah Encik Alif menambah bilangan jurujual? [4 markah]
Berikan alasan anda.
- (d) Andaikan anda sebagai pemohon jawatan jurujual. [6 markah]
Jelaskan kemahiran kebolehterkerjaan yang perlu ada untuk memohon jawatan tersebut.
- (e) Jelaskan ciri-ciri keperibadian usahawan yang dimiliki oleh Encik Alif [4 markah]
sebagai pengurus Syarikat Delicious Juice Sdn. Bhd.

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A

1. Dialog di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan

Ramona : Saya mempunyai kemahiran dalam bidang menjahit pakaian. Saya ingin membuka sebuah butik pakaian tetapi modal saya tidak mencukupi.

Fatin: Saya mempunyai modal sebanyak RM150,000 dan saya berminat untuk menceburi bidang ini.

Ramona: Kalau begitu bolehlah kita menjalankan perniagaan bersama.

- (a) Jelaskan jenis milikan perniagaan di atas [2 markah]
- (b) Bagaimanakah proses pendaftaran penubuhan perniagaan tersebut? [4 markah]
- (c) Nyatakan kepentingan keuntungan kepada perniagaan mereka. [4 markah]

2. (a) Gambar 1 menunjukkan dua jenis organisasi



Organisasi A



Organisasi B

Gambar 1

Bezakan organisasi A dan Organisasi B dari aspek tujuan, aktiviti dan sumber kewangan. [6 markah]

- (b) Jelaskan tujuan sesebuah organisasi perniagaan menetapkan visi. [4 markah]

3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bahagian fungsian sebuah syarikat.

Dr. Shukri telah berjaya mencipta sejenis krim anti penuaan berasaskan bahan semula jadi, *Ratu*. Setelah menjalani beberapa tahap ujian, didapati krim tersebut dapat mengurangkan kedutan muka sehingga 50%. Baru-baru ini krim anti penuaan *Ratu* mendapat pengiktirafan Anugerah Ciptaan Terbaik daripada sebuah badan penganugerahan antarabangsa. Kejayaan ini mendorong Dr. Shukri mencipta lebih banyak formulasi baharu

- (i) Apakah bahagian fungsian yang terlibat ? [1 markah]
- (ii) Jelaskan tujuan bahagian fungsian tersebut diwujudkan. [5 markah]
- (b) Nyatakan empat jenis interaksi organisasi perniagaan dengan organisasi luar [4 markah]

4. (a) Pernyataan berikut berkaitan Syarikat Perisian Komputer Wnor.

Syarikat Perisian Komputer Wnor telah memperkenalkan program 'Team Work Excellence Award' (Anugerah Kecemerlangan Kerja Berpasukan) pada tahun 2020 dan mengumumkan bonus khas setiap tahun kepada pekerja-pekerja yang telah mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan oleh syarikat

Huraikan pemberian insentif yang munasabah kepada kakitangan Syarikat Perisian Komputer Wnor.

[4 markah]

- (b) Jelaskan komponen utama sistem penggajian berikut:

(i) Gaji

[3 markah]

(ii) Upah

[3 markah]

5. (a) Senaraikan sumber teknologi yang biasa wujud dalam sesebuah perniagaan?

[3 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Medina Brand

Pn Lini merupakan pengasas Medina Brand yang mengeluarkan produk tilam bayi premium telah menghasilkan pelbagai reka bentuk tilam bayi yang direka sendiri. Baru-baru ini beliau mendapati reka bentuk tilam bayi milik perniagaannya telah ditiru oleh perniagaan lain.

Nasihatkan Pn Lini cara untuk melindungi produk perniagaannya daripada ditiru oleh perniagaan lain.

[4 markah]

- (c) Jelaskan peranan MyIPO dalam melindungi sumber teknologi sesebuah perniagaan di Malaysia.

[3 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan En. Bani.

En. Bani adalah seorang kontraktor pembinaan perumahan. Baru-baru ini beliau telah mendapat kontrak untuk membina jalan raya sepanjang 15 kilometer. Untuk menyiapkan kontrak berkenaan dalam tempoh 12 bulan, beliau memerlukan beberapa traktor dan jentolak yang hanya akan digunakan untuk tempoh 12 bulan berkenaan.

- (a) Cadangkan satu jenis pembiayaan daripada institusi kewangan yang paling sesuai bagi En. Bani. [6 markah]

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Puan Roni bercadang untuk memulakan perniagaan salon kecantikan. Beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM30,000 dengan kadar yang segera. Beliau berhasrat menjelaskan pinjaman dalam tempoh 6 bulan. Pn. Roni menjadikan barang-barang seperti dalam gambar 4 sebagai cagaran.



Gambar 4

Terangkan satu sumber pembiayaan luaran yang paling sesuai digunakan oleh Pn. Roni.

[4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 7 (a) Berikut adalah pernyataan mengenai bahagian fungsian teknologi maklumat Syarikat Maju Multimedia Sdn Bhd.

Teknologi maklumat pada masa ini telah menjadi suatu keperluan kepada setiap perniagaan dalam menjalankan dan melancarkan aktiviti perniagaan. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk mengaplikasikan maklumat dalam perniagaan.

- (i) Jelaskan tujuan penggunaan teknologi maklumat dalam sesebuah organisasi perniagaan [4 markah]
- (ii) Huraikan kaedah yang boleh digunakan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat dalam perniagaan? [6 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan pasaran baharu kepada Syarikat Maju Multimedia Sdn. Bhd. [5 markah]

8. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Tganu Soho Sdn Bhd.

Syarikat Tganu Soho Sendirian Berhad merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan pelbagai peralatan komunikasi untuk pasaran tempatan. Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat ialah Puan Zainun. Syarikat mempunyai beberapa jabatan iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran, jabatan kewangan dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh Encik Awang, seorang jurutera elektrik yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang tersebut. Jabatan pemasaran pula diketua oleh Puan Fauziah. Pengurus bagi jabatan kewangan ialah Encik Embong, manakala pengurus sumber manusia ialah Puan Aida. Setiap jabatan akan dibantu oleh penyelia yang akan dilantik oleh pengurus setiap jabatan.

- (a) (i) Lakarkan dengan lengkap carta organisasi Syarikat Tganu Soho Sendirian Berhad. [4 markah]
- (ii) Huraikan tanggungjawab salah satu peringkat pengurusan dalam struktur organisasi di atas. [3 markah]
- (b) Jelaskan **empat** aspek penting yang digambarkan oleh struktur organisasi di atas. [8 markah]

- 9 Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan dua buah perniagaan kedai buku bagi tempoh enam bulan pertama.

Butiran	ARE Book Store (RM)	ZBT Enterprise (RM)
Kos Jualan	20 000	30 000
Untung Bersih	12 500	22 500
Modal Awal	50 000	75 000
Aset Semasa	12 500	25 000
Liabiliti Semasa	10 000	12 500
Stok Purata	6 000	7500

Jadual 1


- (a) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan menggunakan analisis nisbah asas?
Kemukakan bukti anda [7 markah]
- (b) Bagaimanakah penyata pendapatan dan Kunci Kira-kira dapat membantu seorang usahawan? [8 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan wajib

- 10 DINS Food Processing Sendirian Berhad diasaskan pada tahun 1994 oleh seorang tokoh usahawan Melayu. Beliau telah mengembangkan perniagaannya dari gerai menjual burger hingga membuka kilang pengeluaran daging burger pelbagai perisa. Kini jualan tahunan bagi tahun 2022 berjumlah RM2 juta manakala untung bersih meningkat bagi empat tahun berturut-turut.



Walaupun usahanya pernah diperlekehkan oleh masyarakat dan juga pihak bank yang telah menolak permohonan pinjamannya, namun dengan simpanan sendiri dan juga bantuan pinjaman yang diberikan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad telah membolehkannya mengorak langkah untuk memajukan perniagaannya.

Beliau juga mengakui bahawa kejayaannya adalah hasil sokongan kuat keluarga. Sebarang rungutan dan ketidakpuasan hati oleh pelanggan, beliau pasti akan memperbaiki mutu produknya dengan berjumpa pelanggan tertentu dengan kadar segera untuk mengetahui masalahnya. Ini jelas menggambarkan corak pengurusan beliau yang sangat cekap dan efisien dalam menangani sebarang masalah yang timbul.

DINS Supermarket Sendirian Berhad yang beroperasi 24 jam telah dibuka bagi memastikan khidmat borong dan runcit boleh dilaksanakan antara DINS Burger dengan penjaja dan orang awam. Bagi memastikan pengedaran dan penghantaran produk dijamin kualiti dan kesegarannya, kenderaan kontena sejuk beku digunakan.

Cara pembungkusan yang menarik juga dikaji dalam memastikan produk kelihatan menarik dan boleh dinikmati. Pengimplementasi kepakaran teknologi oleh DINS Burger, adalah untuk memastikan pengeluaran daging dan hasil laut dapat memenuhi citarasa pengguna.

Kapasiti pengeluaran yang dipertingkat itu kelak akan membolehkan Kumpulan Dins **meningkatkan eksport ke rantau ASEAN. Timur Tengah, Eropah, Jepun, dan Korea Selatan.** Syarikat akan **membuka 200 lagi cawangan seperti DINs Mart,** yang menjual 50 jenis produk dan akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

Jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Wajarkah DINs Food Processing memilih pemilikan perniagaan di atas? [4 markah]
- (b) Jelaskan margin untung bersih bagi tahun 2022. [2 markah]

- (c)

... bantuan pinjaman yang diberikan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad telah membolehkannya mengorak langkah untuk memajukan perniagaannya.

Berdasarkan petikan kes di atas,

- (i) Terangkan sumber pembiayaan dalam kenyataan di atas? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** jenis pembiayaan yang disediakan oleh bank di atas? [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** ciri keusahawanan yang terdapat dalam diri pemilik DINs Food Processing. [4 markah]
- (e) Cadangkan **dua** jenis struktur organisasi yang diamalkan oleh DINs Food Processing? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A

1. (a) Terangkan tujuan perniagaan menawarkan barang atau perkhidmatan. [4 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan bentuk perniagaan lain yang terdapat di Malaysia.



Gambar 1


- (i) Terangkan pihak yang terlibat dalam perjanjian urusniaga bentuk milikan perniagaan di atas. [4 markah]
- (ii) Berikan ciri-ciri umum bentuk perniagaan yang dinamakan dalam soalan 1 (b) (i) [2 markah]

2. Situasi di bawah berkaitan dengan permintaan serunding daging menjelang hari raya.

Semakin ramai rakyat Malaysia memilih serunding daging sebagai makanan tradisi di musim perayaan. Permintaan terhadap serunding daging lembu di pasaran telah meningkat sebanyak 10 %.

- (a) Terangkan faktor luaran yang mempengaruhi situasi di atas. [2 markah]
- (b) Terangkan kelebihan sumber manusia dalaman [4 markah]
- (c) Mengapakah perniagaan mengutamakan sumber manusia luaran? [4 markah]


- 3 (a) Apakah tujuan bahagian fungsian pengagihan dibentuk? [3 markah]
- (b) Rajah 2 di bawah menunjukkan salah satu aliran agihan yang boleh digunakan oleh sesebuah perniagaan.



Rajah 2

- (i) Terangkan jenis produk yang sesuai diedarkan melalui saluran agihan berkenaan. [5 markah]
- (ii) Berikan kelebihan jenis saluran agihan yang digunakan kepada pengguna, [2 markah]
4. (a) Terangkan **tiga** peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia. [6 markah]
- (b) Pernyataan berikut berkaitan syarikat tudung terkenal, Jilbab Trading.
- Jilbab Trading telah memberi bonus kepada pekerja yang menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk tahun 2022
- Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia yang dimainkan oleh Jilbab Trading dalam pembangunan perniagaan yang mampan. [4 markah]

5. Gambar 2 merupakan contoh karya yang telah mendapat hak cipta terpelihara,



Gambar 2

- (a) Senaraikan tiga karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta terpelihara. [3 markah]
- (b) Jelaskan pengurusan hak cipta terpelihara oleh sesebuah perniagaan. [4 markah]
- (c) Apakah ancaman yang bakal pemilik perniagaan hadapi jika sumber teknologi tidak diuruskan dengan baik. [3 markah]
6. Berikut merupakan agensi kerajaan yang memberi bantuan pembiayaan dan kewangan kepada peniaga.



Gambar 3

Huraikan peranan agensi di atas :

- a. MARA [4 markah]
- b. TEKUN [3 markah]
- c. CGC [3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 7 (a) Terangkan peranan kerajaan dalam menangani isu berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi negara. [7 markah]
- (c) Terangkan jenis-jenis pelepasan cukai yang diberikan kepada perniagaan di Malaysia. [8 markah]
- 8 (a) Situasi di bawah merujuk kepada seorang usahawan yang mengeluarkan produk sabun pencuci tangan berjenama "Semerbak".
- En Sam bercadang untuk mengeluarkan produk sabun pencuci tangan jenama Semerbak berasaskan buah kelapa sawit. Produk tersebut akan dijual di sekitar Kuala Terengganu. Beliau juga bercadang untuk meluaskan pasaran produk jenama Semerbak syarikatnya ke seluruh Terengganu dan juga memasarkannya secara dalam talian.
- Terangkan tiga sumber fizikal yang diperlukan oleh En Sam dalam membangunkan perniagaan sabun pencuci tangan Semerbak. [6 markah]
- (b) Terangkan kepada En Sam prosedur mengurus sumber fizikal milik perniagaannya agar perniagaannya berjalan lancar. [5 markah]
- (c) Apakah kesan sekiranya En Sam mengabaikan pengurusan sumber fizikal perniagaannya ? [4 markah]

9. (a) Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan.

Setelah diberhentikan kerja akibat pandemik Covid 19, Shahir ingin memulakan perniagaan Nasi Kerabu atas talian. Namun begitu, dia belum berani untuk memulakan perniagaan tersebut.

Huraikan faktor penyumbang yang dapat membantu Shahir memulakan perniagaan tersebut.

[8 markah]

- (b) Untuk menubuhkan perniagaan, Shahir perlu mematuhi akta dan peraturan yang ditetapkan kerajaan.

Jelaskan akta dan peraturan tersebut dan implikasi sekiranya Shahir gagal mematuhi akta tersebut.

[7 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

10. Puan Roslina Che Abdullah, berkelulusan Ijazah Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menetap di Bukit Changgang, Banting, Selangor.

Beliau mengusahakan industri mi kuning memandangkan masalah untuk mendapatkan bekalan daripada pengusaha bumiputera Islam. Beliau berkursus dengan pengusaha mi kuning di Sungai Pelek, Selangor.

Puan Roslina mula melayari laman web bagi mencari peralatan yang sesuai. Beliau tertarik dengan laman web ZullDesign yang amat inovatif dan kreatif mengenai banyak peralatan dan pelbagai jenis mesin untuk pelbagai kegunaan mengikut keperluan pengguna.

Puan Roslina menempah enam peralatan dan mesin untuk industri membuat mi kuning termasuk mesin menguli tepung, mesin menekan, mesin melicinkan adunan, mesin menghasilkan mi dan mesin merebus.

Maklumat berikut diperolehi dalam buku catatan Puan Roslina.

- Harga mesin RM 40,000
- Pengeluaran mi kuning 800 kilogram sehari
- Harga jualan seunit RM 0.90
- Kos belian bahan mentah RM 250

Puan Roslina berkata, beliau amat berpuas hati dengan khidmat selepas jualan yang diberikan oleh ZullDesign selain khidmat nasihat mengenai kaedah menggunakan mesin dengan betul.

Proses membuat mi kuning perlu dilakukan secara berterusan sehingga pembungkusan supaya tidak mudah rosak. Mi kuning berjenama Mee Kampung mendapat pasaran di Banting, Dengkil, Bandar Baru Bangi dan Putrajaya kerana tidak ramai pengusaha Bumiputera. Pasaran mi kuning melonjak semasa awal bulan, bulan puasa dan seminggu selepas Hari Raya semasa orang ramai membuat rumah terbuka, Apa yang lebih istimewa, mi kuning buatan Roslina tidak mempunyai sebarang bahan pengawet.

Roslina berkata, sejak dua tahun menggunakan mesin hasil ciptaan ZulDesign, beliau sedang berbincang untuk menempah mesin memproses kuetiau dan laksa.

Sumber: Laman web laman Jutawanmelayu.com.(ubahsuai)

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan **dua** ciri keperibadian Puan Roslina untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. (4 markah)
- (b) (i) Jelaskan kekuatan produk yang dihasilkan oleh Puan Roslina. (3 markah)
- (ii) Terangkan **dua** jenis campuran pemasaran selain daripada yang dinyatakan di (b)(i) di atas. (4 markah)
- (c) Apakah prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang perlu dijalankan oleh Puan Roslina? (4 markah)
- (d) Kirakan jumlah untung kasar sehari yang diperolehi oleh Puan Roslina. (2 markah)
- (e) Jelaskan persediaan untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan jualan bagi produk perniagaan di atas. (3 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A

1. (a) Jelaskan Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd) ? [2 markah]
(b) Terangkan dua ciri perkongsian liabiliti terhad (PLT). [4 markah]
(c) Maklumat berikut berkaitan dengan pekerjaan Pak Hashim

Pak Hashim merupakan seorang nelayan laut dalam . Semua hasil tangkapannya akan dihantar ke kilang keropoknya untuk dijadikan pelbagai jenis keropok dan dipasarkan melalui pemborong.

Terangkan dua jenis sektor perniagaan yang terdapat dalam pernyataan di atas. [4 markah]

2. (a) Jelaskan trend persekitaran perniagaan [2 markah]
(b) Nyatakan faktor dalaman dalam trend persekitaran perniagaan [4 markah]
(c) Rajah 3 menunjukkan trend persekitaran perniagaan



Rajah 3

Jelaskan faktor luaran dan faktor dalaman dalam sesebuah perniagaan berdasarkan trend persekitaran perniagaan.

[4 markah]

3. (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Faiz.

Kilang Batik Gemilang, Kuala Terengganu dimiliki oleh Encik Faiz terkenal dengan penghasilan pelbagai motif batik yang berkonsepkan tumbuhan semulajadi. Hasil batiknya di pameran di kilang dan dijual untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Pelbagai kaedah dilakukan untuk melariskan jualan batiknya, antaranya jualan penghabisan stok hujung tahun dengan menawarkan diskaun sehingga 80% yang telah diumumkan kepada pelanggan melalui Terengganu FM dan edaran risalah.

Terangkan strategi campuran pemasaran yang terlibat berdasarkan situasi di atas.

[6 markah]

- (b) Rajah di bawah menunjukkan sebuah agensi kerajaan.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)



Gambar 1

Apakah peranan yang dimainkan oleh bahagian fungsian di atas?

[4 markah]

4. (a) Terangkan **tiga** faktor bagi menentukan sistem penggajian [6 markah]
 (b) Petikan berkaitan Syarikat Indah Damai Sdn Bhd.

Syarikat Indah Damai Sdn Bhd ditubuhkan pada 1 Julai 2018. Carta organisasi syarikat menunjukkan syarikat ini diterajui oleh seorang pengurus dan dua orang pegawai yang menguruskan bahagian kewangan dan pembinaan. Syarikat bercadang untuk mewujudkan jawatan pegawai pemasaran.


- (i) Nyatakan jenis struktur organisasi yang terlibat dalam Indah Damai Sdn Bhd. [1 markah]
 (ii) Jelaskan ciri-ciri struktur organisasi di 4(b)(i). [3 markah]

5. (a) Maklumat berikut berkaitan sumber teknologi.

Harta intelek merujuk kepada hasil kreativiti atau ciptaan daya intelektual seseorang.

Nyatakan tujuan mengurus harta intelek dalam operasi sesebuah perniagaan. [3 markah]

- (b) Gambar 3 merupakan contoh perisian komputer.



Gambar 3

Mengapakah pengguna perisian perlu mendapatkan kelulusan bertulis dengan pemilik perisian? [3 markah]

- (c) Jelaskan prosedur mengurus sumber teknologi melalui pengurusan paten. [4 markah]

6. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu bentuk perniagaan.



Gambar 2

- (a) Puan Hasyima bercadang untuk membesarkan perniagaan dengan membeli peralatan baharu dan menambahkan bilangan pekerja. Beliau memerlukan modal tambahan sebanyak RM120,000.

Jelaskan sumber pembiayaan yang boleh digunakan oleh beliau. [6 markah]


- (b) Nyatakan 4 jenis modal yang diperlukan oleh sesebuah perniagaan. [4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja

7. Rajah 5 menunjukkan titik pulang modal perniagaan Sos Cili Mayang Sari yang beroperasi di Besut, Terengganu.



Rajah 5

- (a) Jelaskan S1 ? [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan kepada Perniagaan Sos Cili Mayang Sari sekiranya jualan berada di Kawasan Y. [5 markah]
- (c) Jelaskan cara yang boleh dilakukan oleh peniaga Sos Cili Mayang Sari supaya tidak terus berada di Kawasan Y ? [6 markah]

8.

Elrah Collection merupakan sebuah syarikat yang semakin gah di persada negara. Elrah Collection mengeluarkan baju melayu menggunakan jenamanya sendiri iaitu Elrah. Syarikat Elrah mempunyai ramai pekerja yang mahir. Kemahiran dan pengalaman yang dimiliki pekerjaannya membantu syarikatnya menghasilkan produk yang berkualiti dengan penggunaan bahan mentah secara terancang tanpa berlaku pembaziran. Selain itu juga mesin dan peralatan yang digunakan diselenggara dengan baik agar tidak mendatangkan kerosakan yang boleh mengganggu proses pengeluaran.

- (a) Jelaskan faktor-faktor yang mendorong kejayaan perniagaan Elrah Collection. [3markah]
- (b) Pada pendapat anda, bagaimanakah Syarikat Elrah Collection mengurus sumber syarikatnya bagi memastikan pengeluaran produk baju melayu sentiasa memenuhi permintaan pelanggan di pasaran. [8 markah]
- (c) Sekiranya anda adalah pemilik Syarikat Elrah Collection apakah sumbangan syarikat bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang walaupun negara masih lagi berhadapan dengan pandemik covid-19? [4 markah]

9

- (a) Maklumat berikut berkaitan dengan usahawan.

Puan Karmila merupakan seorang usahawan yang mengeluarkan produk kecantikan. Produk beliau menggunakan jenama Millea

- Jelaskan strategi pemasaran yang boleh digunakan oleh Puan Karmila untuk meningkatkan jualan produknya. [8 markah]
- (b) Terangkan prosedur untuk mendaftar perniagaan Puan Karmila. [5 markah]
- (c) Sebagai seorang usahawan, apakah yang boleh beliau sumbangkan untuk negara? [2 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.


10. Tauke beras, bihun, tepung lulusan SRP

Puan Alisha yang kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) mencipta kejayaan dengan menjadi tauke kilang T-shirt, baju sukan dan pelbagai jenis baju muslimah menggunakan jenama Trisya.



Alisya ialah pemilik Syarikat A&Z Tshirt Sdn Bhd (A&Z) yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Gong Badak, Terengganu. Syarikat beliau bukan sahaja mengeluarkan T shirt sebanyak 1 000 sebulan, malah tiga kilang yang beroperasi di situ turut mengeluarkan pelbagai jenis baju sukan dan baju Muslimah.

Jualan bersih bagi aktiviti pengeluaran produk adalah seperti berikut.



A&Z satu-satunya syarikat milik bumiputera di negara ini yang bermula dari perniagaan memproses pakaian pada tahun 1996 dengan bantuan modal permulaan sebanyak RM70,000 daripada Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU). Kini berjaya merekodkan untung bersih yang dicatat oleh syarikat menunjukkan peningkatan iaitu dari RM 20 juta (2010) kepada RM 28 juta (2015).

A&Z menjadikan kegiatan memproses Tshirt dan baju sukan di Vietnam sebagai rujukan untuk mencapai kejayaan di dalam perniagaan pakaian seterusnya mendorongnya membangunkan kilang di tanah seluas 3.5 hektar berhampiran tapak kilangnya menjelang 2020.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang perlu dijalankan oleh Syarikat A&Z Sdn Bhd ? (4 markah)
- (b) Mengapakah Puan Alisha memilih jenis pemilikan di atas? (4 markah)
- (c) (i) Terangkan sumber pembiayaan yang diperolehi oleh Puan Alisha. (2 markah)
- (ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di (c)(i) di atas. (3 markah)
- (d) Jelaskan kepentingan keuntungan kepada perniagaan. (5 markah)
- (e) Kirakan peratus margin untung bersih Syarikat A&Z Sdn Bhd bagi tahun 2015? (3 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A

1. (a) Jelaskan ciri-ciri koperasi. [6 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan salah satu sektor dalam perniagaan



Gambar 1

- Huraikan sektor perniagaan di atas. [4 markah]

2. (a) Gambar 2 menunjukkan satu situasi keadaan ekonomi.



Gambar 2


Jelaskan situasi tersebut.

[2 markah]

(b) Terangkan langkah mengatasi masalah di atas.

[4 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan Graf Kitaran Ekonomi




Rajah 1

Terangkan situasi yang berlaku dalam Fasa II

[4 markah]

3. Rajah 2 menunjukkan interaksi antara organisasi perniagaan dengan pihak luar.



Rajah 2

- (a) Bagaimanakah interaksi wujud di antara Warung Kopi Mamu Pak Tam dengan pembekal-pembekal di atas? [4 markah]
- (b) Jelaskan tujuan sebuah organisasi perniagaan menggunakan teknologi maklumat dalam memajukan perniagaan mereka [4 markah]
- (c) Jelaskan peranan bahagian fungsian pengeluaran dalam sesebuah organisasi. [2 markah]

4. (a) Berikan kepentingan pengurusan sumber manusia. [4 markah]
- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan suatu sistem penggajian.

Encik Nordin dan Puan Erina merupakan pekerja di Syarikat Erina Kosmetik Sdn.Bhd yang mengeluarkan pelbagai jenis produk kecantikan untuk pasaran tempatan. Encik Nordin bekerja di bahagian operasi dan beliau dibayar mengikut jumlah jam kerja. Manakala Puan Erina ialah eksekutif kewangan syarikat dan beliau dibayar amaun tetap sebanyak RM 6000 sebulan.

Terangkan jenis sistem penggajian bagi Encik Nordin dan Puan Erina.

[6 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan seorang usahawan muda.

En Daniel merupakan anak muda yang kreatif dan berpandangan jauh. Beliau juga mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang yang ingin diceburinya ini. Beliau berhasrat untuk menubuhkan One Stop Studio iaitu sebuah syarikat menghasilkan filem dan dokumentari.

Berdasarkan pernyataan di atas cadangkan kepada En Daniel jenis sumber teknologi yang sesuai.

[4 markah]

- (b) Jelaskan prosedur mengurus sumber teknologi bagi sesebuah perniagaan.
- (c) Mengapakah kemahiran dan pengalaman pekerja penting dalam sesebuah perniagaan?

[3 markah]

[3 markah]

6. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Pn. Shanti

Pn. Shanti merupakan seorang pemborong kain. Dia membeli kain dari kilang kain secara tunai dan memberi kemudahan kredit kepada peruncit kain. Kebelakangan ini Pn. Shanti menghadapi masalah aliran tunai. Dia ingin menggunakan kemudahan bank untuk mengatasi masalah tersebut.

Terangkan satu bentuk kemudahan bank bagi mengatasi masalah beliau.

[6markah]

- b. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Anne Sdn. Bhd.

Syarikat Anne Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat yang menjual alat-alat elektrik. Syarikat Anne biasanya memberi kredit selama 2 bulan kepada penghutangnya. Kebelakangan ini, syarikat kekurangan wang tunai dan bercadang menjual surat hutangnya.

Terangkan kemudahan pembiayaan di atas.

[4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

7. Jadual 1 yang berikut berkaitan dengan perniagaan Beautiful Roses Sdn Bhd.

PERKARA	BUTIRAN
Nama Perniagaan	Beautiful Roses Sdn Bhd
Bentuk pemilikan	Sendirian Berhad
Aktiviti Perniagaan	Pelbagai variasi pokok bunga ros dan baja
Jumlah jualan pada tahun 2021	RM 3.5 juta
Bilangan Pekerja tetap	15 orang
Modal berbayar	RM 200 000

Jadual 1

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, apakah saiz perniagaan Beautiful Roses Sdn Bhd [1 markah]
- (b) Jelaskan kelebihan perniagaan Beautiful Roses Sdn Bhd berdasarkan saiz perniagaan yang dinyatakan pada soalan (a) [7 markah]
- (c) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan Beautiful Roses Sdn Bhd apabila menjalankan saiz perniagaan tersebut. [7 markah]

8. (a) Gambar 3 menunjukkan sebuah organisasi milik Encik Sam yang menjalankan perniagaan pengeluaran produk sabun pelbagai guna.



Gambar 3

- (a) Terangkan sumber fizikal yang diperlukan oleh En. Sam dalam organisasi perniagaannya. [6 markah]
- (b) Cadangkan kepada En. Sam prosedur mengurus sumber fizikal milik perniagaannya agar perniagaannya berjalan lancar. [5 markah]
- (c) Jelaskan kesan terhadap pengabaian dalam mengurus sumber fizikal perniagaan milik En Sam. [4 markah]

9. (a) Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Rahmah Tempoyak

Syarikat Rahmah Tempoyak merancang untuk mengeluarkan Tempoyak Petai Kak Rahmah secara besar-besaran. Puan Naimah, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Dalam masa yang sama, Syarikat Rahmah Tempoyak menghadapi masalah kekurangan modal. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Rahmah Tempoyak menyediakan Rancangan Perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.

Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan tersebut.

[4 Markah]

- (b) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Rahmah Tempoyak

[3 Markah]

- (c) Terangkan campuran pemasaran bagi produk Tempoyak Petai Kak Rahmah

[8 Markah]


Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab

- 10 Encik Luqman merupakan pemilik Akim Aquarium iaitu sebuah perniagaan membekalkan pelbagai ikan hiasan yang terkenal di daerah Marang, Terengganu.



Gambar 4

Akim Aquarium dimiliki dan diurus sepenuhnya oleh Encik Luqman. Beliau dibantu oleh dua orang saudara kembarnya Nur Arianna dan Nur Arianni. Kejayaan Akim Aquarium menguasai syer pasaran mendorong sahabatnya Danniell Hakimmi menyatakan hasrat untuk menubuhkan perkongsian, namun ditolak oleh Encik Luqman.



Rajah 3

Peningkatan jumlah jualan di sepanjang tahun 2019 menyebabkan Encik Luqman bercadang untuk mengembangkan perniagaannya dengan membuka cawangan baru di bandar Kuantan. Cawangan yang bakal dibuka akan diurus sepenuhnya oleh adik bongsunya Nur Zara Yamin. Nur Zara Yasmin telah ditugaskan mencari dan mengenalpasti lokasi yang benar-benar strategik.

Perancangan untuk membuka cawangan baru akan melibatkan kos yang tinggi. Selain daripada simpanan dalam akaun semasa di Maybank Berhad dan juga rizab (modal daripada keuntungan), Encik Luqman bercadang untuk mendapatkan pembiayaan dari lain-lain sumber.

Bagi memastikan kelangsungan perniagaannya, Encik Luqman telah mengambil tindakan yang bijak dalam mengurus sumber-sumber fizikal perniagaannya.

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Terangkan sektor perniagaan Akim Aquarium. [2 markah]
- (b) Jelaskan mengapa Encik Luqman menolak pelawaan sahabatnya untuk menubuhkan perkongsian. [5 markah]
- (c) Cadangkan **dua** jenis sumber pembiayaan luaran yang boleh dimohon oleh Encik Luqman. [4 markah]
- (d) Berikan **empat** ciri-ciri lokasi yang sesuai untuk cawangan baru yang bakal dibuka. [4 markah]
- (e) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan Akim Aquarium. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A

1. (a) Gambar 1 menunjukkan logo sebuah pemilikan syarikat Berhad.




Gambar 1

Jelaskan ciri-ciri bentuk pemilikan tersebut.

[6 markah]

- (b) Gambar 2 menunjukkan sektor perniagaan di Malaysia.



Gambar 2

Jelaskan sektor perniagaan X.

[4 markah]

- 2 (a)

“Sesebuah negara mencapai kadar pengangguran kurang daripada 4%”.

Terangkan situasi di atas.

[2 markah]

- (b) (i) Nyatakan jenis-jenis pengangguran

[4 markah]

- (ii) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi pengangguran yang dinyatakan pada soalan 2(b)(i)

[4 markah]

3. (a) Maklumat di bawah menunjukkan peranan suatu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Menyediakan Penyata kewangan
- Menyediakan laporan prestasi kewangan
- Memeriksa bajet setiap jabatan dalam organisasi

Terangkan tujuan bahagian fungsian tersebut diwujudkan dalam sesebuah organisasi perniagaan? [3 markah]

- (b) Mengapakah pengurusan kewangan perlu mengawal kewangan setiap bahagian ? [3 markah]

- (c) Jelaskan empat tujuan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia diwujudkan. [4 markah]

4. Gambar 3 menunjukkan logo sebuah syarikat pengeluar petroleum tempatan yang terkemuka.



Gambar 3

- (a) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia syarikat di atas dalam menjadikan syarikat tersebut sebuah perniagaan yang berdaya saing. [4 markah]

- (b) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia yang berikut:

- (i) Membentuk persekitaran kerja [3 markah]
- (ii) Menggalakkan kreativiti dan inovasi [3 markah]


5. (a) Situasi di bawah menunjukkan seorang pemilik Syarikat Kilat Harum Sdn.Bhd yang mengeluarkan produk sabun pakaian berjenama "Segar Molek " .

- Encik Rauf bercadang mengeluarkan sabun mencuci pakaian berasaskan isi kelapa sawit.
- Produk tersebut dijual sekitar bandar Kuala Terengganu dan mendapat sambutan yang baik.
- Beliau bercadang meluaskan pasaran produk tersebut ke seluruh negeri Terengganu.

Jelaskan dua sumber fizikal yang diperlukan oleh Encik Rauf [4 markah]

- (b) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal Syarikat Kilat Harum Sdn.Bhd. [6 markah]

6. Gambar 4 berkaitan dengan keputusan seorang usahawan



Gambar 4

- a. Merujuk kepada gambar 4, mengapakah usahawan tersebut membuat keputusan demikian? [6 markah]
- b. Jelaskan kelemahan sumber pembiayaan dalaman. [4 markah]

Bahagian B
[30 markah]
Jawab dua soalan sahaja

7. Gambar 5 berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan di Malaysia.




Pemilik : Dayang Salhah
Lokasi : Sarawak
Produk : Kek Lapis
Bilangan Pekerja : 15 orang
Modal : Simpanan peribadi dan pinjaman daripada saudara mara.
Jumlah Jualan Tahunan : RM300 000.00

Gambar 5

- (a) Terangkan jenis milikan perniagaan yang diceburi oleh Dayang Salhah. [3 markah]
- (b) Jelaskan prosedur pendaftaran penubuhan perniagaan dinyatakan di 2 (a). [6 markah]
- (c) Perniagaan Kek Sarawak Dayang Salhah ini dikategorikan sebagai perniagaan bersaiz kecil. Jelaskan. [6 markah]

- 8 (a) Rajah 1 menunjukkan struktur organisasi Syarikat Tuah MZ Holding Sendirian Berhad



Rajah 1

Setiap bahagian dalam struktur organisasi Syarikat Tuah MZ Holding Sendirian Berhad mempunyai fungsi dan peranan masing-masing.

Jelaskan peranan setiap bahagian fungsian di atas?

[8 markah]

- (b) Terangkan faktor-faktor penentu sistem penggajian dalam setiap organisasi.

[7 markah]

- 9 (a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Nuraz

Puan Nuraz merupakan pengeluar roti dan kek yang terkenal di Kuala Nerus. Baru-baru ini beliau telah mendapat kontrak membekalkan roti dan kek ke asrama sekolah di seluruh negeri Terengganu selama 2 tahun. Bagi memenuhi permintaan tersebut beliau memerlukan beberapa mesin pengadun dan pembakar roti dan kek yang lebih canggih tanpa menanggung kos penyelenggaraan dan baik pulih peralatan.

Cadangkan sumber pembiayaan luaran yang sesuai ditawarkan oleh bank dan institusi kewangan bagi membolehkan Pn Nuraz memiliki mesin tersebut.

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Adnan.

Encik Adnan bercadang membuka perniagaan mengeluarkan pelbagai produk minuman kesihatan. Beliau telah menyediakan rancangan perniagaan untuk perniagaan yang akan dimulakan.

Terangkan tiga pihak yang memerlukan rancangan perniagaan tersebut.

[9 markah]

Bahagian C

[20 markah]


Soalan ini **wajib** dijawab

- 10 Manis Bakery merupakan sebuah kedai yang menjual pelbagai jenis kek, menyediakan tempahan kek untuk majlis tertentu dan perkhidmatan penghantaran kek kepada pelanggan. Manis Bakery dimiliki dan diurus sepenuhnya oleh Puan Hafsah. Beliau dibantu oleh dua orang anak perempuannya dan sepuluh orang pekerja. Manis Bakery telah ditubuh dan didaftarkan pada 1 Disember 2018 dan seterusnya memulakan operasi perniagaan pada 1 Januari 2019.


Pada peringkat awal penubuhannya sumber pembiayaan Manis Bakery adalah pinjaman daripada agensi kerajaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bernilai RM50 000.

Jumlah jualan bagi pasaran kek menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 2019 dengan jumlah jualan setahun sebanyak RM362 000. Peningkatan ini mendorong kepada peningkatan aktiviti dan operasi perniagaan. Situasi ini menunjukkan satu trend persekitaran perniagaan yang memberangsangkan.

Peningkatan aktiviti perniagaan juga membolehkan Manis Bakery menguasai syer pasaran di daerah Kuala Terengganu berbanding pesaing-pesaingnya.



Rajah 2



Pandemik COVID 19 yang mula melanda negara pada awal tahun 2020 telah mendatangkan impak yang besar kepada ekonomi negara. Krisis ekonomi ini telah menyebabkan penurunan dalam pendapatan perniagaan Manis Bakery. Manis Bakery tidak mampu menanggung kos operasi yang tinggi. Oleh itu Puan Hafsa terpaksa mengurangkan kos operasi dengan memberhentikan 8 orang pekerjanya.

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Jelaskan prosedur pendaftaran Manis Bakery. [5 markah]
- (b) (i) Nyatakan sumber pembiayaan Manis Bakery [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di (b)(i) [3 markah]

- (c) (i) Apakah trend persekitaran perniagaan yang dialami Manis Bakery? [1 markah]
- (ii) Jelaskan faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan di (c)(i) [4 markah]
- (d) Kira syer pasaran Manis Bakery bagi tahun 2019. [2 markah]
- (e) Terangkan jenis pengangguran yang wujud. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A

1. (a) Gambar 1 menunjukkan dua syarikat perniagaan yang telah menjalankan perniagaan kerjasama.



Gambar 1

Mengapakah kedua-dua syarikat tersebut memilih jenis pemilikan di atas? [3 markah]

- (b) Gambar 2 menunjukkan perniagaan yang melibatkan penjualan produk dalam pasaran domestik



Gambar 2

Terangkan ciri-ciri skala perniagaan di atas. [3 markah]

- (c) Gambar 3 berkaitan klasifikasi perniagaan



Gambar 3

Terangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan tersebut

[4markah]

2. (a) Jelaskan peranan Kerajaan Pusat dalam menangani isu ekonomi dan perniagaan dalam bidang perkembangan aktiviti perniagaan [2 markah]
- (b) Jelaskan peranan kerajaan tempatan dalam menangani isu tempatan. [4 markah]
- (c) Gambar 4 menunjukkan agensi kerajaan di Malaysia.



Gambar 4

Jelaskan peranan agensi tersebut. [4 markah]

3. Gambar 5 menunjukkan logo media sosial.



Gambar 5

- (a) Mengapakah media sosial diutamakan dalam perniagaan masa kini? [5 markah]
- (b) Bahagian fungsian jualan merupakan bahagian fungsian penting dalam sesebuah organisasi perniagaan. Jelaskan peranan bahagian fungsian ini. [5 markah]

4. (a) Jelaskan maksud Standard Prosedur Operasi Tugas (SOP). [2 markah]
- (b) Gambar 6 di bawah berkaitan dengan ganjaran yang ditawarkan oleh pihak majikan.



Gambar 6

Bagaimanakah ganjaran tersebut membantu peranan pengurusan sumber manusia kepada sesebuah perniagaan ? [5 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang pengurus sumber manusia dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjanya? [3 markah]

5. (a) Gambar 7 menunjukkan jenis sumber teknologi.



Gambar 7

Terangkan prosedur mengurus sumber di atas. [4 markah]

- (b) Bagaimanakah syarikat insurans boleh membantu peniaga dalam melindungi sumber fizikal ? [3 markah]
- (c) Mengapakah pemilik perniagaan perlu menguruskan sumber teknologi syarikat dengan efisien? [3 markah]

6. Jelaskan sumber pembiayaan yang berikut:


- a. Simpanan peribadi [3 markah]
- b. Modal daripada keuntungan [3 markah]
- c. Sewa beli [4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini

- 7 Gambar 8 di bawah menunjukkan jenis pemilikan perniagaan



Gambar 8

Jenis pemilikan perniagaan pada gambar 8 diusahakan atas konsep “milik bersama” untuk projek penternakan moden yang menelan belanja melebihi RM 1 juta.

- (a) (i) Jelaskan **empat** ciri pemilikan perniagaan di atas? [7 markah]
- (ii) Mengapakah jenis pemilikan perniagaan di atas mendapat perhatian daripada pihak kerajaan? [2 markah]
- (b) Nyatakan perbezaan antara Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad. [6 markah]

- 8 (a) Gambar 9 menunjukkan produk yang berada di pasaran



Gambar 9

Jelaskan strategi campuran pemasaran bagi produk tersebut. [8 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bahagian fungsian sebuah syarikat.

Aleeya Beauty telah berjaya mencipta sejenis krim anti penuaan *Hello Shining* dengan menggunakan bahan-bahan semulajadi. Setelah menjalani beberapa tahap ujian, didapati krim tersebut memberi kesan yang sangat baik. Aleeya Beauty bercadang memasarkan *Hello Shining* ke peringkat antarabangsa.

- (i) Apakah bahagian fungsian yang terlibat? [1 markah]
- (ii) Jelaskan tujuan bahagian fungsian tersebut diwujudkan. [6 markah]

- 9 Maklumat berikut merupakan penyata kewangan sebuah perniagaan.

Syarikat Hazim Textile Sdn Bhd			
Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2019			
	RM	RM	
Aset Bukan Semasa			
Mesin Jahit	55 000		
Perabot		<u>25 000</u>	
Aset Semasa			
Stok akhir	45 000		
Penghutang	25 000		
Tunai	<u>15 000</u>	<u>85 000</u>	
			80 000
Ekuiti pemilik			
Modal Awal	65 000		
<u>Tambah</u> : Untung bersih		<u>52 000</u>	
			117 000
<u>Tolak</u> : Ambilan			<u>2 000</u>
Modal Akhir			115 000
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman		30 000	
Liabiliti Semasa			
Pemiutang		<u>20 000</u>	
			<u>165 000</u>

- (a) (i) Hitungkan nisbah semasa bagi Syarikat Hazim Textile Sdn Bhd. [2 markah]
- (ii) Analisis nisbah semasa di (a)(i) dapat menyokong syarikat memohon pinjaman untuk mengembangkan perniagaan. Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Jelaskan **empat** kaedah promosi yang boleh digunakan oleh Syarikat Hazim Textile Sdn Bhd [8 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

Soalan ini **wajib** dijawab

10

Encik Khai merupakan Ketua Pegawai Operasi PRODUQUE iaitu sebuah syarikat yang menghasilkan pelbagai jenis kereta setanding dengan kereta import.

Selaku Ketua Pegawai Operasi, Encik Khai amat teliti dalam setiap kerja yang dilakukan. Bagi memastikan matlamat perniagaan tercapai, beliau sentiasa memberi motivasi dan dorongan kepada para pekerja agar sentiasa bekerja kuat. Encik Khai sentiasa berusaha mewujudkan hubungan yang baik dengan para pekerjanya. Beliau juga amat tegas dalam setiap keputusannya tanpa mengambil kira pendapat orang lain. Situasi ini menimbulkan rasa tidak puashati dalam kalangan pekerja.

